


SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 8/2023



KDNK MALAYSIA ST2 2023: 2.9% | ST1 2023: 5.6%




PENGELUARAN




SEKTOR LUARAN



PASARAN BURUH



HARGA



Prestasi ekonomi Malaysia menyederhana dengan pasaran buruh kekal stabil meskipun unjuran pertumbuhan global dunia lebih rendah

- Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku tahun kedua 2023 menyederhana kepada 2.9 peratus berbanding 5.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Ini didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembinaan.
- Pengeluaran getah asli menyusut daripada 31,083 tan pada tahun sebelumnya kepada 29,867 tan pada Jun 2023. Berdasarkan statistik kelapa sawit pada Julai 2023, pengeluaran tandan buah segar berjumlah 8,350,319 tan, meningkat 4.2 peratus.
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia mencatatkan penurunan marginal 0.3 peratus berbanding pertumbuhan 2.9 peratus yang direkodkan pada suku tahun pertama 2023, manakala nilai jualan sektor Pembuatan merekodkan penyusutan pertama sejak suku tahun kedua 2020 (-16.5%), turun 1.0 peratus.
- Pada suku tahun kedua 2023, hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM568.3 bilion. Pada masa yang sama, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat sebanyak 5.0 peratus, dengan 143.1 mata bagi suku tahun tersebut.
- Inflasi bagi suku tahun kedua 2023 meningkat sebanyak 2.8 peratus kepada 130.2 berbanding 126.6 pada suku yang sama tahun sebelumnya manakala inflasi Malaysia pada Julai 2023 mereda kepada 2.0 peratus.
- Dalam pada itu, IHPR bagi Pengeluaran Tempatan merosot sebanyak 4.1 peratus pada suku tahun kedua (ST1 2023: -0.8%). Pada bulan Julai 2023, IHPR Malaysia berkurang 2.3 peratus.
- Sebaliknya, jumlah perdagangan barangan Malaysia menurun 11.3 peratus tahun ke tahun kepada RM643.2 bilion pada suku tahun kedua 2023. Eksport turun 11.1 peratus kepada RM348.7 bilion, manakala import menyusut 11.5 peratus kepada RM294.5 bilion.
- Situasi semasa tenaga buruh menunjukkan bilangan pekerja meningkat sebanyak 2.8 peratus kepada 16.15 juta orang pada suku tahun kedua 2023. Sementara itu, kadar pengangguran tidak berubah pada 3.5 peratus.
- Indeks Pelopor (IP) menyusut 2.1 peratus pada Jun 2023, mencatat 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada tahun sebelumnya. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa prospek ekonomi jangka pendek Malaysia berkemungkinan menyederhana, dengan jangkaan bahawa langkah-langkah dasar ekonomi yang disasarkan akan mengatasi cabaran ekonomi sedia ada.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

